

Isu dan Kontroversi Perang Jamal dan Perang Siffin: Suatu Tinjauan Literatur

Issues and Controversies of the Jamal War and the Siffin War: A Literature Review

Nurussyefa' Ahmad Sumari * & Nur Ainul Basyirah Alias

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: nussyefa@gmail.com

Received: 28 February 2025; **Accepted:** 28 April 2025; **Published:** 20 May 2025

To cite this article (APA): Ahmad Sumari, N., & Alias, N. A. B. (2025). Isu dan Kontroversi Perang Jamal dan Perang Siffin: Suatu Tinjauan Literatur. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 44-53. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.4.2025>

Abstrak

Perang Jamal dan Perang Siffin merupakan dua peristiwa penting dalam sejarah awal Islam yang berlaku antara tahun 36H hingga 37H. Perang Jamal tercetus akibat perselisihan antara pasukan yang dipimpin oleh Khalifah Alī bin Abī Ṭālib RA dengan pasukan yang diketuai oleh Ā'ishah binti Abī Bakr RA, manakala Perang Siffin melibatkan pertentangan antara Alī bin Abī Ṭālib RA dengan Mu'āwiyah bin Abī Sufyān RA. Kedua-dua peristiwa ini menjadi topik perbahasan mendalam dalam kalangan sarjana, khususnya berhubung kritikan yang dilontarkan oleh pihak yang menentang Islam terhadap para sahabat Nabi Muhammad SAW kerana konflik ini berlaku sesama mereka. Kontroversi tersebut turut mempengaruhi persepsi negatif segelintir masyarakat bukan Islam terhadap umat Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis secara kritis isu-isu yang timbul daripada Perang Jamal dan Perang Siffin berdasarkan perspektif sejarawan Islam. Pendekatan kajian kualitatif berbentuk kajian sejarah digunakan dengan pengumpulan data melalui analisis dokumen daripada pelbagai sumber berautoriti. Hasil kajian mendapati bahawa antara isu utama yang menjadi kontroversi ialah persoalan keadilan para sahabat Nabi SAW, hukum mencela mereka, serta status syahid bagi sahabat yang terlibat dalam peperangan ini. Makalah ini menganalisis wacana ilmiah berkaitan isu tersebut bagi memberikan pandangan yang seimbang dan berasaskan sumber Islam yang sahih.

Kata kunci: Perang Jamal, Perang Siffin, Sahabat Nabi, sejarah Islam, kontroversi sejarah

Abstract

The Battle of the Camel and the Battle of Siffin were two pivotal episodes in early Islamic history, occurring between 36 AH and 37 AH. The Battle of the Camel was triggered by a dispute between the forces led by Caliph Alī ibn Abī Ṭālib (RA) and those commanded by Ā'ishah bint Abī Bakr (RA), while the Battle of Siffin involved a confrontation between Alī ibn Abī Ṭālib (RA) and Mu'āwiyah ibn Abī Sufyān (RA). These events have remained subjects of considerable scholarly debate, particularly concerning criticisms leveled by opponents of Islam towards the Companions of the Prophet Muhammad (SAW), as conflicts arose among

them. Such controversies have also shaped negative perceptions of Muslims among some non-Muslim communities. This study aims to critically examine the issues arising from the Battles of the Camel and Siffin through the lens of Muslim historians. Employing a qualitative historical approach, data were collected through document analysis from a range of authoritative sources. The findings reveal that key controversies pertain to the justice of the Prophet's Companions, the Islamic ruling on censuring them, and the question of martyrdom for those involved in the battles. This paper analyzes the scholarly discourse surrounding these matters to provide a balanced perspective grounded in authentic Islamic sources.

Keywords: *Battle of the Camel, Battle of Siffin, Companions of the Prophet, Islamic history, historical controversies*

Pendahuluan

Perang Jamal dan Perang Siffin merupakan dua peristiwa penting dalam sejarah awal Islam yang seringkali menjadi perbincangan dan kajian yang mendalam di kalangan sejarawan dan para ilmuwan. Peristiwa ini telah memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sejarah Islam. Perang Jamal merupakan peperangan yang berlaku di antara pasukan Saidina Ali bin Abi Talib dan pasukan Saidatina Aisyah, salah seorang isteri Rasulullah SAW. Mengikut pendapat yang paling kuat diriwayatkan oleh Khalifah bin Khayath dari jalan Qatadah, Perang Jamal berlaku pada pertengahan bulan Jamadil Akhir tahun 36H. Perang yang berlaku pada zaman pemerintahan Saidina Ali ini telah memberi titik hitam dalam sejarah Islam kerana peperangan tersebut melibatkan pertembungan antara kaum muslimin. Perang ini terjadi setelah berlakunya tragedi ngeri dimana terjadi pembunuhan Saidina Uthman bin Affan. Peristiwa pembunuhan ini menjadi sebab munculnya pelbagai fitnah yang besar yang mana telah membuatkan orang ramai berpecah belah dalam menuntut pembalasan ke atas pembunuh Saidina Uthman (Ali Muhammad Al-Sallabi, 2012). Konflik yang berlaku ini sering kali digambarkan sebagai salah satu peristiwa utama pada awal pemerintahan Islam, mencerminkan ketegangan politik dan sosial yang muncul setelah kematian Nabi Muhammad SAW.

Perang Siffin merupakan peristiwa kedua terbesar yang terjadi dalam kalangan umat Islam. Peristiwa ini melibatkan pertarungan antara pasukan Saidina Ali bin Abi Talib dan pasukan Muawiyah bin Abi Sufyan yang berlaku pada 37H. Menurut al-Qadi Ibnu al-Arabi dalam bukunya yang bertajuk *al-Awasim min al-Qawasim* mengatakan punca berlaku peperangan ini adalah kerana pendirian kedua-dua pasukan yang jelas dimana pasukan Saidina Ali menyeru untuk berbaiah dan menyatakan kepatuhan kepada satu pemimpin iaitu Saidina Ali. Namun, pasukan Muawiyah pula menyeru untuk menangkap para pembunuh Saidina Uthman terlebih dahulu kemudian barulah mereka akan berbaiah. Mereka mempunyai pendirian yang mana tidak akan berbaiah kepada Saidina Ali selagimana pembunuh Saidina Uthman tidak ditangkap (Sami Abdullah al-Maghlouth, 2014).

Dua peperangan ini telah melibatkan pertembungan antara dua kumpulan muslimin yang melibatkan para sahabat Nabi SAW. Mereka merupakan manusia yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa di sisi Allah SWT dan RasulNya. Tambahan pula, para sahabat juga merupakan agen terbesar dalam menyebarkan dakwah Islam sekaligus menjadi faktor al-Quran dan al-Sunnah dapat diketahui oleh generasi seterusnya sehingga hari ini. Berdasarkan kenyataan ini, majoriti ulama Ahli Sunnah wal Jamaah menganggap semua sahabat adalah adil termasuk yang terlibat dalam peperangan saudara iaitu Perang Jamal dan Perang Siffin. Namun, terdapat golongan yang tidak sependapat dengan kenyataan ahli Sunnah

berkaitan keadilan para sahabat. Hal ini muncul selepas berlakunya fitnah pada zaman Saidina Uthman bin Affan dan dua peperangan besar antara umat Islam yang berlaku setelahnya (Imran, 2016).

Walaupun kedua perang ini berbeza dari sudut waktu dan konteks, namun ia menunjukkan kerumitan hubungan politik, sosial dan agama yang berlaku pada zaman awal Islam. Isu-isu yang timbul dari dua konflik ini, termasuk perselisihan faham politik, tuntutan kuasa dan pemilihan pemimpin mempunyai implikasi yang mendalam terhadap perkembangan sejarah Islam.

Sifat Keadilan Para Sahabat yang Terlibat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin

Menurut Fikri (2005), sifat adil para sahabat adalah meliputi sifat taqwa, memelihara maruah dan kebenaran mereka dalam mempraktikkan agama serta menyampaikan kepada generasi seterusnya. Sifat keadilan para sahabat tersebut menyebabkan mereka tidak akan berdusta di atas nama Allah SWT dan RasulNya dalam hal ehwal agama. Tambahan pula, sifat adil mereka ini telah dinyatakan dalam dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah dan juga Ijma' Ulama. Akan tetapi, para pemusuh Islam tetap ingin mempertikaikan sifat adil para sahabat yang telah diiktiraf Allah SWT tersebut.

Prinsip Ahli Sunah Waljamaah juga menjelaskan bahawa sifat adil para sahabat termasuklah mereka yang terlibat dalam fitnah zaman Saidina Uthman dan Saidina Ali. Fitnah yang dimaksudkan adalah peristiwa pembunuhan Saidina Uthman sehinggalah pertempuran yang berlaku di antara para sahabat pada Perang Jamal dan Perang Siffin. Golongan tersebut tidak beranggapan buruk kepada para sahabat terhadap peristiwa yang berlaku melainkan segelintir golongan yang jahil yang memusuhi agama Islam dan juga umatnya (Fikri, 2005).

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas bahawa keadilan para sahabat telah tertulis dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' Ulama. Hal ini dapat dijadikan bukti yang jelas dan kukuh dalam memberi hujah kepada mereka yang menentang sifat adil para sahabat. Antaranya daripada firman Allah SWT:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ...

Terjemahan: *Nabi Muhammad ialah Rasulullah dan orang yang bersama-sama dengannya (para sahabat) bersikap tegas terhadap orang kafir yang (memusuhi Islam), tetapi sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama umat Islam.*

(Surah al-Fath, 29)

Ayat tersebut menjadi bukti bahawa para sahabat saling mengasihani sesama mereka sehingga dapat menjadi satu generasi yang amat teguh lagi berjaya menghadapi musuh-musuh daripada kalangan orang kafir. Ia juga menjadi bukti bahawa pertelingkahan yang berlaku di antara para sahabat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin bukan disebabkan kebencian dan perasaan tidak puas hati. Hal ini kerana, sifat saling mengasihani ini diiktiraf oleh Allah dan ia adalah sifat yang melekat di kalangan para sahabat sehingga ke akhir hayat mereka. Hal tersebut, tidak mungkin pengiktirafan Allah itu bersifat sementara sahaja.

Selain itu, hadis sahih yang dapat dijadikan bukti tentang keadilan para sahabat adalah hadis yang diriwayatkan daripada Imran bin Husain RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ أُمَّتِي الْقَرْنُ الَّذِينَ يُلُونِي ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ

Terjemahan: *Sebaik-baik umatku adalah mereka (para sahabat yang hidup) di zamanku, kemudian umat yang sesudah mereka kemudian umat yang berikutnya.*

(Sahih Muslim, no hadith: 2533)

Daripada hadis tersebut, Nabi Muhammad SAW mengkategorikan para sahabat sebagai umat yang terbaik. Ini menjadi bukti bahawa mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama seperti menyembunyikan kebenaran, menyelewengkan larangan dan mendustakan Rasulullah SAW. Mereka juga merupakan manusia-manusia pilihan yang sentiasa memikul amanah dari Rasulullah SAW sebagai pembawa syariat Islam.

Walaupun pada hakikatnya, telah memadai pengiktirafan daripada Allah dan RasulNya terhadap keadilan para sahabat, namun ijma ulama turut memberikan hujah mereka sebagai dalil kesepakatan mereka dalam menetapkan sifat adil kepada para sahabat. Abu ‘Amru al-Basri berkata:

أن الأمة مجمعة على تعديل جميع الصحابة ومن لابس الفتن منهم. فكذاك بإجماع العلماء الذين يعتد بهم في الإجماع إحسانا للظن بهم ونظرا إلى ما تمهد لهم من المآثر وكأن الله سبحانه وتعالى أتاح الإجماع على ذلك لكونهم نقلة الشريعة.

Terjemahan: *Bahawa umat ini bersetuju untuk menetapkan sifat adil kepada semua sahabat dan orang yang terlibat dalam fitnah di antara mereka. Begitu juga, para ulama yang diakui dalam ijma mempunyai anggapan baik terhadap mereka dan menghargai pencapaian mereka, seolah-olah Allah SWT memperbolehkan ijma mengenai perkara itu kerana mereka adalah pembawa syariat.*

Menurut Fikri (2005), umat Islam telah bersepakat terhadap keadilan seluruh para sahabat termasuk mereka yang diragui (oleh aliran Syiah *al-Rafidah*) kerana keterlibatan mereka dalam peristiwa fitnah iaitu Perang Jamal dan Perang Siffin. Ulama bersepakat untuk memasukkan mereka ke dalam golongan sahabat yang disepakati sebagai tanda berbaik sangka dan bakti yang mereka telah disumbangkan dalam mengembangkan syariat Islam.

Namun hal demikian, pengiktirafan Allah dan RasulNya terhadap sifat adil para sahabat bukan bermaksud menetapkan sifat maksum kepada mereka. Hanya Nabi Muhammad SAW yang maksum manakala para sahabat boleh terjerumus dalam kekeliruan dan kesalahan (Fikri, 2005). Dalam hadis yang masyhur, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Terjemahan: *Setiap anak Adam mempunyai kesalahan dan sebaik-baik orang yang bersalah adalah mereka yang sering bertaubat.*

(Jami’ At Tirmizi, no hadith: 2499)

Daripada hadis tersebut, para sahabat juga termasuk dalam keumuman hadis yang dinyatakan dimana mereka juga memiliki kesalahan dan bertaubat daripadanya seperti manusia biasa. Menurut Fikri (2005), semua ulama *Ahli Sunnah wal Jamaah* sepakat bahawa para sahabat yang terlibat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin adalah orang-orang yang

beriman dan adil. Penglibatan mereka dalam peperangan tersebut tidak menyebabkan mereka menyembunyikan ajaran agama, menyelewengkan perintah larangan dan mendustakan Nabi SAW. Yang lebih utama adalah apabila kesalahan para sahabat yang dilakukan sama ada secara individu atau berjemaah, tidak menggugurkan pengiktirafan Allah terhadap sifat adil mereka.

Menurut Hasan al-Husaini (2013) apabila para sahabat melakukan kesalahan atau dosa, mereka akan diampunkan dosanya melalui jasa dan kebaikan yang mereka lakukan dalam menegakkan agama Islam. Maka menjadi persoalan, adakah perbuatan ijtihad para sahabat dalam isu pembunuhan Saidna Uthman jelas-jelas diampuni Allah SWT? Az-Dzahabi menyatakan bahawa para sahabat memiliki keutamaan dan keistimewaan sebagai generasi pertama yang menegakkan agama Islam, serta mempunyai kelebihan dalam amalan-amalan yang dapat menghapus kekeliruan yang terjadi di antara mereka. Hal ini kerana, jihad itu dapat menghapus dosa dan ibadah juga dapat membersihkan diri dari kesalahan.

Di samping itu, sebahagian golongan Muktazilah pula menyatakan bahawa semua sahabat yang berada sebelum terjadi fitnah semasa pemerintahan Saidina Uthman adalah adil. Manakala setelah terjadi fitnah tersebut, para sahabat yang kekal padanya sifat adil maka secara zahirnya dikategorikan sebagai sahabat yang adil. Namun, jika tidak demikian, sifat keadilannya perlu diperiksa. Ulama Muktazilah juga berpendapat bahawa semua sahabat adil kecuali mereka yang berperang melawan Saidina Ali bin Abu Talib dan yang bersama mereka. Mereka menggunakan hujah bahawa Saidina Ali dan pengikutnya berada pada jalan yang benar manakala Muawiyah dan pengikutnya berada pada jalan yang salah. Adapun, ulama mengkritik pandangan ini kerana dalam peristiwa ini tidak boleh sewenang-wenangnya menentukan siapa yang betul dan salah. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui segala persoalan berkaitan peristiwa ini (Imran, 2016).

Sementara itu, kelompok Syiah memandang para sahabat Nabi SAW sama seperti manusia-manusia lain dimana terdapat yang soleh dan juga yang tidak soleh sehingga termasuk dalam jurang kehinaan. Kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada mereka hanya kerana dapat menyaksikan *nur nubuwwah* dan mukjizatnya secara langsung. Akan tetapi, pandangan yang diberikan oleh kelompok Syiah tidak dipersetujui oleh ahli Sunnah. Pada hakikatnya mereka tidak seperti manusia yang lain dimana kebenaran dan kebaikan yang dilakukan lebih besar berbanding penyimpangan dan penyelewengan yang dilakukan kebanyakan manusia (Helmi et al., 2021).

Selain itu, golongan Syiah juga tidak sependapat dan bertentangan dengan pandangan Ahli Sunah Waljamaah bahawa semua sahabat adil. Syiah *al-Rafidah* merupakan golongan yang paling dahsyat dalam mencela para sahabat. Celaan yang dilakukan bukan hanya dengan kata-kata yang kasar tetapi wujud juga dalam beberapa bentuk lain. Antaranya, Syiah *al-Rafidah* menyaring sumber-sumber sejarah dan memilih kisah-kisah yang paling buruk untuk dijadikan fitnah kepada para sahabat. Mereka mengambil riwayat-riwayat yang mengisahkan keburukan para sahabat dan menyembunyikan riwayat-riwayat yang berkaitan kebaikan para sahabat. Tidak sedikit daripada riwayat-riwayat yang mereka pilih tersebut, di dalam sanadnya terdapat para perawi Syiah sendiri yang mencipta dan membesar-besarkan kisah yang terkandung di dalamnya (Fikri, 2005).

Menurut Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat (2019), Syiah *al-Rafidah* mengkritik dan menolak sifat adil para sahabat yang diberikan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Antara kritikan yang diberikan adalah terdapat para sahabat yang bersubahat dalam pembunuhan Saidina Uthman bin Affan atau setidak-tidaknya redha terhadap pembunuhan

beliau. Maka, tidak mungkin sahabat seperti ini dapat disifatkan dengan adil. Kritikan tersebut dibalas oleh ahli Sunnah dimana mengatakan tiada bukti menunjukkan para sahabat bersubahat dalam pembunuhan Saidina Uthman atau meredhainya. Adapun tindakan para sahabat tidak berjuang membela Saidina Uthman adalah atas permintaan Saidina Uthman sendiri.

Syiah *al-Rafidah* menyatakan konsep keadilan para sahabat hanya bertujuan menutup perbuatan buruk para sahabat yang terlibat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin yang telah mengorbankan banyak nyawa. Adapun ahli Sunnah tidak menafikan sifat adil para sahabat yang terlibat dalam dua peristiwa tersebut. Seperti yang telah disebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan keadilan sahabat ialah kebenaran mereka dalam mempraktikkan agama dan menyampaikannya kepada generasi seterusnya. Sifat keadilan para sahabat menyebabkan mereka tidak akan mendiamkan ajaran agama, menyelewengkan perintah larangan mahupun berdusta di atas nama Allah dan rasulNya. Daripada pertempuran dalam peristiwa Perang Jamal dan Perang Siffin tidak timbul mazhab baru seperti mazhab Ali, mazhab Aisyah dan sebagainya yang menunjukkan mereka memiliki pengamalan dan penyampaian (mazhab) agama tersendiri (Fikri, 2005).

Ibnu Taimiyah dalam kitabnya *Majmu' al-Fatawa* mengatakan bahawa mereka menahan diri daripada memberi sebarang komen atau ulasan berkenaan fitnah yang berlaku diantara para sahabat. Mereka mengetahui bahawa sebahagian cerita yang sampai kepada mereka adalah palsu dan dusta (Fikri, 2005). Sementara itu, menurut Hasan al Husaini (2013) al-Hasan dan al-Husin yang mana merupakan anak kepada Saidina Ali mengajarkan supaya menahan ucapan dan sikap terhadap para sahabat yang terlibat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin. Mereka meyakini bahawa kedua kelompok sahabat yang bertikai ketika itu termasuk dalam golongan orang-orang yang Allah sebutkan dalam firmanNya:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا

Terjemahan: *Dan apabila ada dua golongan orang-orang mukmin berperang, maka damaikanlah antara keduanya .*

(Surah al-Hujurat, 9)

Perselisihan yang berlaku di antara para sahabat adalah disebabkan oleh perbezaan pendapat antara mereka. Perbezaan pendapat tersebut tidak merosakkan dan mengurangkan kasih sayang antara mereka (Ali Muhammad Al-Sallabi, 2012). Tambahan pula, para sahabat juga merupakan seorang mujtahid. Jika mereka benar dalam ijtihadnya maka mereka akan mendapat dua ganjaran dan akan diberi pahala atas amal soleh serta diampuni dosa-dosa mereka. Adapun jika mereka tersalah dalam berijtihad, sesungguhnya mereka telah memperoleh kebaikan daripada Allah sebelum itu lagi (Fikri, 2005).

Hasan al-Husaini (2013) menyatakan beberapa perkara penting apabila membahaskan tentang para Sahabat Nabi SAW lebih-lebih lagi apabila bercakap tentang peristiwa pembunuhan Saidina Uthman, Perang Jamal dan Perang Siffin. Yang pertama, generasi sahabat merupakan generasi terawal dalam penubuhan awal Islam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada Allah. Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang agung.*

(Surah at-Taubah, 100)

Daripada ayat tersebut, menunjukkan kita wajib mencintai seluruh sahabat tanpa terkecuali, meredhai mereka, mendoakan rahmat untuk mereka dan mengakui kelebihan mereka. Hal ini kerana, mereka terlebih dahulu yang memeluk agama Islam dan menyebarkan syiar agama ini. Menurut Sami Abdullah al-Maghlouth (2014), salah satu ciri kesempurnaan iman seseorang muslim adalah selalu bersangka baik terhadap saudaranya sesama Muslim, mahupun dalam keadaan sulit dan sukar. Rasulullah SAW bersabda: *“Jauhilah oleh kalian prasangka kerana prasangka lebih banyak mengandungi pembohongan. Janganlah kalian mengintip antara satu sama lain, saling iri, dengki, bermusuhan dan saling mengata belakang. Jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara”* (Hadith Riwayat al-Bukhari).

Ahli Sunah Waljamaah menyatakan bahawa membicarakan dan mempertikaikan terhadap apa yang berlaku di antara para sahabat bukanlah perkara utama yang perlu dibahaskan. Oleh itu, prinsip yang perlu dilakukan berkaitan persoalan ini adalah menahan diri dari membahasnya. Tujuannya adalah agar tidak ada seorang muslim yang terjatuh dalam tindakan mencela atau mengkritik mereka. Hal ini kerana, perselisihan yang berlaku di antara para sahabat merupakan buah dari ijihad mereka. Mereka memiliki pemahaman dan ijihad sendiri dalam menghadapi kekacauan yang melanda kaum muslimin pada ketika itu. Setiap mereka memiliki alasan yang membenarkan sikap dan pendapatnya. Ijihad seperti ini sudah tentu tidak menolak kesolehan mereka. Malah, mereka termasuk dalam golongan mujtahid sehingga tidak seorang pun yang boleh dicela (Hasan al-Husaini, 2013).

Akhir sekali, menurut Fikri (2005) orang yang menafikan dan mengkritik keadilan para sahabat sebenarnya mereka tidak terlepas daripada dua kemungkinan iaitu jahil terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengiktiraf keadilan para sahabat atau menafikan al-Quran sekaligus menafikan pengiktirafan Allah SWT. Semoga Allah SWT meredhai kita dalam menjaga adab terhadap para sahabat Nabi SAW dan mencontohi perjuangan mereka dalam kehidupan kita.

Hukum Mencela Para Sahabat

Setiap Muslim seharusnya mengetahui bahawa tidak dibolehkan sewenang-wenangnya mencela atau mencaci para sahabat walau dalam keadaan apa sekalipun. Hal ini kerana, mereka sangat mulia disisi Allah SWT dan RasulNya serta jujur dalam melakukan setiap amalan. Diriwayatkan dari Zakwan, dari Sa'id al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي، فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ، ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدَّ أَحَدِهِمْ، وَلَا نَصِيفَهُ

Terjemahan: *Janganlah kamu menghina sahabatku, sekiranya salah seorang daripada kamu menginfakkan emas sebesar bukit Uhud, tidak akan menyamai satu cupak (pahala) seorang pun daripada mereka dan tidak juga separuh daripadanya.*

(Sahih al-Bukhari, no. hadith: 3673)

Menurut Fikri (2005) ulama Ahli Sunah Waljamaah bersepakat dalam melarang sebarang bentuk celaan ke atas para sahabat Nabi SAW. Daripada al-Nawawi al-Syafie mengatakan bahawa mencela para sahabat adalah haram dan termasuk dalam perkara keji yang

diharamkan, sama ada kepada mereka yang terlibat dalam peristiwa fitnah atau sebaliknya. Hal ini kerana, mereka merupakan para mujtahid dalam peperangan tersebut. Al-Qadhi 'Iyadh al-Maliki pula mengatakan bahawa mencela salah seorang sahabat termasuk dalam perbuatan maksiat dan berdosa besar. Mazhab Maliki dan jumhur menyatakan bahawa mereka yang melakukan perkara ini perlu dikenakan hukuman *takzir* dan tidak dibunuh. Adapun sebahagian mazhab Maliki mengatakan mereka boleh dijatuhi hukuman bunuh. Daripada al-Harits bin 'Utbah memberitahu bahawa Umar bin 'Abd al-'Aziz yang merupakan pemerintah pada ketika itu, didatangkan seorang lelaki yang ditangkap kerana mencela Saidina Uthman bin Affan disebabkan kebenciannya. Maka Umar bin 'Abd al-'Aziz mengarahkan agar lelaki tersebut disebat sebanyak 30 kali sebatan.

Sementara itu, al-Hafiz Syamsuddin Muhammad 'Uthman al-Zahabi yang terkenal dengan gelaran al-Zahabi berkata dalam kitabnya yang masyhur bertajuk *al-Kabair* bahawa sesiapa yang mencela para sahabat dan mengutuk keperibadian mereka, maka sesungguhnya ia telah keluar dari agama Islam dan telah merosakkan kaum muslimin. Orang yang mencela para sahabat juga dikategorikan sebagai orang yang dengki dan menafikan pujian yang Allah sebutkan dalam al-Quran dan mengingkari Rasulullah SAW yang memuji mereka dengan keutamaan dan kecintaan yang tinggi. Menghina para sahabat bermaksud menghina pembawa syariat iaitu Rasulullah SAW dan apa yang dibawanya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Aliran yang paling rakus mencela para sahabat pada awal kewujudan Islam ialah Syiah *al-Rafidah*. Namun pada masa kini, aliran baru seperti Islam liberal, sekular, nasionalis, sosialis dan sebagainya berpura-pura melakukan kritikan ilmiah ke atas kisah sahabat, akan tetapi pada hakikatnya mereka ingin menghancurkan fahaman umat Islam agar tercapai Islam ala Barat yang diimpikan (Fikri, 2005).

Secara kesimpulan perbincangan mengenai hukum mencela dan menghina para sahabat adalah dilarang. Hal tersebut bagi memberi amaran dan mengelakkan agar terus tersebar fitnah ke seluruh masyarakat. Seterusnya, diwajibkan untuk meyakini dan mencintai para sahabat kerana ia merupakan tanda keimanan kepada Allah SWT. Oleh hal yang demikian, sikap menghina, mencaci dan mengkafirkan para sahabat boleh menafikan keimanan seseorang.

Isu Syahid dalam Perang Jamal dan Perang Siffin

Mati syahid merupakan orang yang gugur dalam peperangan yang melawan orang kafir. Namun ia menjadi persoalan, adakah sahabat yang gugur di medan Perang Jamal dan Perang Siffin di kira mati syahid? Hal ini kerana, peperangan tersebut merupakan pertempuran antara umat Islam. Menurut Sami Abdullah al-Maghlouth (2014), salah seorang dari pasukan Saidina Ali bertanya kepada Saidina Ali tentang korban yang tewas dari pihak mereka dan pihak Muawiyah, maka Saidina Ali mengatakan bahawa siapa pun yang tewas, semoga Allah SWT redha nescaya akan masuk ke syurga. Apa yang dikatakan Saidina Ali tersebut menunjukkan jaminan syurga yang diberikan kepada para sahabat yang terlibat dalam peperangan ini. Keredhaan Allah SWT dan jaminan syurga yang dikatakan menunjukkan para sahabat yang tewas dikategorikan sebagai syahid.

Dalam hadith riwayat Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَا تَعْدُونَ الشَّهِيدَ فَيْكُمْ؟» قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَهُوَ شَهِيدٌ، قَالَ: «إِنَّ شُهَدَاءَ أُمَّتِي إِذَا لَقِيتُ»، قَالُوا: فَمَنْ هُمْ

يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: «مَنْ قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ فِي الطَّاعُونَ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ فِي الْبَطْنِ فَهُوَ شَهِيدٌ».

Terjemahan: Dari Abu Hurairah, berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Apa yang dimaksudkan orang yang mati syahid di antara kalian?” Para sahabat menjawab, “Wahai Rasulullah, orang yang meninggal di jalan Allah SWT itulah orang yang mati syahid.” Baginda SAW bersabda: “Kalau begitu, sedikit sekali jumlah umatku yang mati syahid.” Para sahabat berkata, “Lantas siapakah mereka wahai Rasulullah?” Baginda SAW bersabda: “Sesiapa terbunuh di jalan Allah maka dialah syahid, dan siapa yang mati di jalan Allah juga syahid, siapa yang mati karena penyakit kolera juga syahid, siapa yang mati karena sakit perut juga syahid.”

(Sahih Muslim, no. hadith 1915)

Daripada hadis tersebut menunjukkan bahawa para sahabat yang terkorban dalam peristiwa Perang Jamal dan Perang Siffin dikira syahid menurut ajaran Islam kerana berjihad di jalan Allah SWT. Hal ini dilihat selagi mana mereka berjuang dengan niat yang baik dan dalam rangka mempertahankan Islam. Hadis ini juga memberi penekanan kepada pengorbanan mereka yang mati dalam usaha yang sah di sisi Allah dan bukan hanya berdasarkan hasil atau pihak yang menang dalam pertempuran.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, peristiwa Perang Jamal dan Perang Siffin telah dikritik oleh golongan yang menentang Islam. Kritikan yang diberikan kepada para sahabat yang terlibat dalam dua perang tersebut telah mendapat perspektif yang buruk terhadap agama Islam. Hal ini dapat diketahui bahawa ia merupakan fitnah yang berlaku kepada para sahabat Rasulullah SAW. Fitnah ini tidak lain adalah untuk memburukkan nama para sahabat Nabi SAW serta menghancurkan agama Islam. Fitnah yang dilontarkan ini akhirnya terjadi peperangan antara para sahabat Nabi SAW. Peperangan tersebut bukan disebabkan oleh kebencian di antara mereka. Akan tetapi, ia disebabkan oleh perbezaan ijtihad dalam mencari jalan terbaik bagi menegakkan kebenaran di atas pembunuhan Saidina Uthman bin Affan. Mereka juga masih dianggap adil menurut pandangan Ahli Sunah Waljamaah. Sorotan daripada peristiwa ini, pelbagai andaian dan spekulasi yang tidak munasabah ditujukan kepada mereka sekaligus telah memburukkan nama para sahabat. Oleh hal yang demikian, sebagai umat Islam perlu berhati-hati dalam memberikan hujah berkaitan para sahabat Nabi SAW.

Rujukan

- Ali Muhammad Ash-Shallabi. 2012. *Biografi Ali bin Abi Thalib*. Terj. Muslich Taman, Akmal Burhanudin & Ahmad Yaman. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Hasan al-Husaini. 2013. *Hasan & Husain The Untold Stories*. Terj. Umar Mujtahid. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Helmi Chandra, Zulfahmi Alwi, Rahman Iman Ghozali & Muhammad Irwanto. 2021. *Pengaruh Politik Sunni dan Syi'ah Terhadap Perkembangan Ilmu Hadis*. Depok: Rajawali Pers.

- Mohd Aizam & Mohd Fauzi. 2019. Pemikiran Skeptikal Syiah terhadap Ahl al- Sunnah wa al- Jama'ah, *Afkar* 21(1), 1-52.
- Mohd Fikri Che Hussain. 2005. *Keadilan Para Sahabat Di Sisi Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Muhammad Imran. 2016. Sahabat Nabi SAW dalam Perspektif Sunni dan Syiah (Pengaruhnya pada Kesahihan Hadis). *Jurnal Aqlam*, 1(1), 15-34. <https://journal.iain-manado.ac.id/index.php/AJIP/article/view/497/409>.
- Sami Abdullah al-Maghlouth. 2014. *Jejak Khulafaur Rasyidin 4 Ali bin Abu Thalib*. Terj. Fuad Syaifudin Nur. Jakarta: Penerbit Almahira.